



08 FEB, 2021

## Fama kumpul RM30,000 bantu 138 mangsa banjir

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



ZAINAL Abidin (tiga kiri) membuat lawatan gerai jualan selepas pelepasan Misi Bantuan Banjir Usahawan Fama Selangor di Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

## Fama kumpul RM30,000 bantu 138 mangsa banjir

**Shah Alam:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Negeri Selangor berjaya mengumpul sumbangan berjumlah RM30,000 bagi membantu 138 rumah mangsa banjir di Kampung Paya Kechik Batu 4, Jalan Mentakab, Temerloh, Pahang.

Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, kutipan itu memabatkan kerjasama 44 pasar tani di seluruh Selangor dengan sumbangan pelbagai pihak terutama usahawan dan pengunjung pasar tani selain syarikat, individu serta badan bukan kerajaan (NGO).

“Sumbangan Misi Bantuan Bencana Banjir salah satu projek Jawatankuasa Pasar Tani Negeri Selangor ba-

gi membantu memberi sedikit keringanan beban serta keceriaan buat individu serta keluarga yang hilang sumber pendapatan disebabkan bencana.

“Usaha ini juga bagi menyuntik semangat kepada penerima menjalani kehidupan dengan lebih baik.

“Sumbangan RM30,000 itu diberikan dalam bentuk keperluan diri seperti kain pelekat, kain batik, berus gigi, sabun dan sebagainya serta keperluan asas seperti beras, minyak, gula, susu dan sebagainya,” katanya pada Program Pelepasan Misi Bantuan Bencana Banjir Usahawan Fama Negeri Selangor di Pasar Tani Stadium Shah Alam di sini, semalam.



08 FEB, 2021

## Fama kumpul RM30,000 bantu 138 mangsa banjir

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ZAINAL Abidin (tiga kiri) membuat lawatan gerai jualan selepas pelepasan Misi Bantuan Banjir Usahawan Fama Selangor di Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

Shah Alam: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Negeri Selangor berjaya mengumpul sumbangan berjumlah RM30,000 bagi membantu 138 rumah mangsa banjir di Kampung Paya Kechik Batu 4, Jalan Mentakab, Temerloh, Pahang.